



PERBADANAN LABUAN

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN ISU GERAN KAJIAN **KEBOLEHLAKSANAAN JAMBATAN LABUAN-** **MENUMBOK**

Perbadanan Labuan (PL) mengambil maklum mengenai maklumat yang tular di media sosial berkaitan Laporan Ketua Audit Negara 1/2026 yang menyatakan bahawa geran berjumlah RM2.88 juta bagi kajian jambatan telah dipulangkan semula dan kajian tersebut gagal dilaksanakan.

Berikutan perubahan dasar dan keutamaan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018, projek tersebut telah dibatalkan yang menyebabkan kajian berkenaan tidak dapat diteruskan.

Peruntukan tersebut telah dipulangkan sepenuhnya kepada Kementerian Kewangan pada 3 Oktober 2024 selaras dengan peraturan semasa.

Dalam hal ini Kementerian Kerja Raya telah memulakan Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Jambatan Labuan–Sabah yang baharu bermula Mei 2025, dan kajian ini dijangka siap sepenuhnya pada November 2026.

Disediakan oleh:

JABATAN HAL EHWAL KORPORAT
PERBADANAN LABUAN
24 FEBRUARI 2026

